

# Dana saham amanah berkembang 100 peratus

27 APR 2002

Oleh Norbakti Alias

ALOR STAR, Jumaat - Saiz dana yang diluluskan dalam industri saham amanah di negara ini berkembang 100 peratus daripada 55.5 bilion unit pada akhir 1997 kepada 110 bilion unit akhir tahun lalu.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata ini menjadikan nilai aset bersih industri saham amanah pada 31 Disember tahun lalu kepada RM47.3 bilion atau bersamaan 10.2 peratus daripada permodalan Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).

Perdana Menteri berkata, melalui saham amanah, golongan rakyat berpendapatan sederhana dan rendah berpeluang menyumbang kepada perkembangan pasaran saham amanah.

"Masyarakat Bumiputera yang dulu hidup

---

**Fitnah: Pas boleh kena tindakan - Muka 2**

---

miskin kini mampu hidup selesa dengan adanya usaha kerajaan membabitkan Bumiputera secara aktif dalam aktiviti ekonomi negara secara tidak langsung melalui pemilikan saham," katanya ketika menutup Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) 2002 di Dewan MSAM di perkarangan Stadium Darul Aman, di sini.

"Kita patut bersyukur kerana negara kita dapat menghasilkan organisasi yang unik seperti Permodalan Nasional Rhd (PNB) seiring dengan persekitaran ekonomi dan politik yang stabil," katanya.

"PNB juga memperlihatkan kemampuannya memberi pulangan yang baik dan ini terbukti dengan dividen yang melebihi RM35 bilion yang sudah dibayar kepada pemegang saham.

"Sehingga kini, PNB mengurus lebih 39 bilion unit saham yang dipegang oleh lebih lapan juta akaun milik rakyat Malaysia," katanya.

**LIHAT MUKA 7**

\* *ahli-ahli ini kata Jumaat hendak*  
**asing turut dikuasai**

**DARI MUKA 1**

Dr Mahathir berkata pendekatan yang diambil kerajaan bukannya mudah dan bukannya dicapai dalam sekelip mata kerana ia melalui proses perancangan dan usaha jangka panjang bersepadu dan menyeluruh sehinggakan hasilnya cukup membanggakan. Menerusi PNB, kerajaan berjaya mengeluarkan saham amanah berharga tetap dan berharga berubah-ubah untuk memenuhi keperluan rakyat di negara ini.

"Sesungguhnya, PNB adalah satu ciptaan unik. Malah ramai kepemimpinan negara asing datang untuk mempelajari cara bagaimana PNB mengurus dan mentadbir kewangan dan pelaburan daripada tabungan yang digemblengkan daripada rakyat," katanya.

Beliau berkata melalui penubuhan PNB, ia juga berjaya menguasai syarikat gergasi asing seperti Kumpulan Guthrie, Golden Hope, Malaysian Mining Corporation (MMC) dan Sime Darby.

Perdana Menteri kemudian turut menyampaikan replika kunci kereta Kelisa GX berharga kira-kira RM37,000 kepada Siti Khatijah Abdul Rahman yang dipilih sebagai pemenang peraduan Pengunjung Bijak.

Pemenang esei kategori umum, Maheran Katan dan Golden Hope Plantation yang menjuarai gerai pameran terbaik juga menerima hadiah daripada Dr Mahathir.

Minggu saham amanah berkenaan berlangsung selama seminggu sejak 20 April dengan tema 'Saham Amanah - Pilihan Pelabur Bijak.' Ia bertujuan mendidik masyarakat mengenai pentingnya perancangan kewangan.